

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
TAHUN 2020**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN R. SIVARASA [ SUNGAI BULOH ]**

**SOALAN**

**TUAN R. SIVARASA [ SUNGAI BULOH ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerja asing yang berdokumentasi dan anggaran yang tidak berdokumentasi yang ada di negara kita setakat ini berdasarkan sektor yang mereka berada dan kewarganegaraan. Apakah pengubahsuaian akan dibuat dalam dasar pengambilan pekerja asing berikutan kesan pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan kepada statistik Jabatan Imigresen Malaysia sehingga 30 April 2020, jumlah pekerja asing yang berdaftar dan dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) adalah 1,746,817 orang. Perincian mengikut sektor dan kewarganegaraan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

**Tuan Yang Di Pertua,**

2. Anggaran pekerja yang tiada dokumen atau PATI, adalah wajar Yang Berhormat mendapatkan maklumat lanjut daripada pihak Kementerian Dalam Negeri.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan pada masa ini telah membekukan pengambilan pekerja asing baharu mengambil kira penularan

## SOALAN NO : 466

wabak pandemik COVID-19 yang memberi implikasi yang besar kepada pasaran pekerjaan negara. Kerajaan juga lebih cenderung ke arah mengambil pendekatan “*all out*” bagi memastikan pencari kerja warganegara diserapkan dalam pasaran pekerjaan bagi mengurangkan kadar pengangguran dan menjamin kelangsungan hidup rakyat khususnya yang terkesan akibat pandemik tersebut. Berhubung dengan isu pekerja asing sedia ada dalam negara yang terkesan akibat pandemik ini, Kerajaan bermula 10 Jun 2020 telah menjalankan program pertukaran majikan bagi membolehkan majikan yang tidak dapat meneruskan penggajian pekerja asing mereka untuk menyerahkan pekerja-pekerja tersebut kepada majikan baharu. Proses ini dikendalikan sepenuhnya oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri. Pada masa yang sama, Kerajaan juga sedang meneliti pelbagai aspek dalam menambah baik pengurusan pengambilan pekerja asing secara holistik.

Sekian, terima kasih.

**LAMPIRAN A**

NEGARA	SEKTOR							JUMLAH
	Pembuatan	Pembinaan	Perladangan	Perkhidmatan	Pertanian	Pembantu Rumah	Lombong & Kuari	
Indonesia	115,995	127,660	171,227	36,784	68,711	84,023	4	604,404
Bangladesh	174,469	184,318	25,014	80,880	16,232	119	9	481,041
Nepal	182,186	5,461	2,634	66,434	7,696	56	5	264,472
Myanmar	124,532	10,979	799	16,176	3,893	53	49	156,481
India	2,595	7,408	28,134	42,834	14,620	1,179	-	96,770
Pakistan	5,403	19,846	4,079	8,654	13,888	24	-	51,894
Filipina	3,472	2,361	3,331	5,169	3,662	29,215	-	47,210
Thailand	121	363	307	9,505	969	278	-	11,543
Vietnam	9,389	1,246	39	1,613	425	847	-	13,559
China	1,189	5,452	8	3,985	7	200	31	10,872
Sri Lanka	3,762	212	110	1,139	107	521	-	5,851
Cambodia	677	83	69	376	246	1,223	-	2,674
Lao PDR	6	-	-	7	2	25	-	40
Uzbekistan	-	-	-	3	-	2	-	5
Turkmenistan	-	-	-	-	-	1	-	1
<b>JUMLAH</b>	<b>623,796</b>	<b>365,389</b>	<b>235,751</b>	<b>273,559</b>	<b>130,458</b>	<b>117,766</b>	<b>98</b>	<b>1,746,817</b>